

## #BAHASAKANKITA

Ruangan baru #bahasakankita ini bertujuan melenyapkan tanggapan bahawa anak muda tidak berminat dalam bahasa dan budaya Melayu. Jika anda berusia 40 tahun dan ke bawah, Berita Harian mengajak anda berkongsi pengalaman anda. Hantarkan e-mel kepada [bhnews@sph.com.sg](mailto:bhnews@sph.com.sg) atau hantar mesej kepada laman Facebook kami di Berita Harian Singapura.

# Cinta pada teater Melayu mekar selepas pertandingan

▶ PUTRI MARDHIYAH YAZID  
[yputri@sph.com.sg](mailto:yputri@sph.com.sg)

SEWAKTU di maktab rendah suatu ketika dahulu, Cik Nur Diyanah Razali memasuki pertandingan teater Melayu kerana ingin memenuhi tuntutan kriteria modul H2-nya dalam Bahasa Melayu dan Sastera.

Namun, tanpa disangka, melalui pertandingan Semarak Temasek yang beliau serta dahulu, minatnya pada teater Melayu mula mekar.

“Ketika saya menuntut di maktab rendah, guru saya, Encik Yazid Hussien, memperkenalkan saya pada bidang teater Melayu. Sejak itu, saya mula jatuh cinta dengan teater Melayu,” ujar Cik Diyanah, bekas pelajar Maktab Rendah Pioneer.

Bukan sahaja beliau meraih anugerah pelakon terbaik sewaktu pertandingan itu, malah kumpulannya turut menerima anugerah skrip hasil tulisan Cikgu Yazid di samping persembahan terbaik semasa pertandingan tersebut.

Kerana minatnya yang mendalam dalam bidang teater, Cik Diyanah, kini 22 tahun, membuat tesis tentang teater Melayu bagi projek tahun akhirnya ini.

Beliau, yang kini menuntut di Universiti Nasional Singapura (NUS) dalam jurusan Pengajian Melayu, berkata bahawa beliau ingin menghasilkan tesis itu kerana mahu fahami lebih lanjut tentang apakah itu sebenarnya teater Melayu.

“Pada pendapat saya, teater Melayu banyak meneroka perkara yang mencabar minda kita ataupun perkara yang tak pernah kita lihat dari perspektif sebegini, misalnya mereka yang mempunyai gaya hidup berbeza daripada kehidupan norma atau apa yang kita anggap seperti biasa dalam kehidupan kita,” kata Cik Diyanah.



**CIK NUR DIYANAH RAZALI:** Pernah meraih anugerah pelakon terbaik dalam satu pertandingan. – Foto JOHARI RAHMAT

“Ramai yang masih lagi mempunyai fikiran stereotaip seperti ‘Melayu malas’. Dengan adanya wadah seperti teater, kita cuba mengubah stereotaip itu kerana kalau bukan kita yang mengubahnya, siapa lagi?”

– Cik Nur Diyanah Razali.

Menurutnya lagi, ramai pakar bidang teater yang beliau interview untuk tesisnya memberi pendapat bahawa para penggiat teater Melayu sering berdebat tentang apakah itu sebenarnya teater Melayu.

“Ada yang berpendapat bahawa teater seperti bangsawan dan purbauara bukan teater Melayu. Bagi mereka ia seperti tidak kena gaya kerana perkara lampau bukanlah sesuatu boleh disifatkan sebagai ‘Melayu’.

“Namun ini masih diperdebatkan, jadi saya harus selidik dan ka-

ji lebih lanjut tentang pendapat yang mereka suarkan,” ujar Cik Diyanah, yang amat gemarkan teater bergenre satira.

Menurutnya, ramai penggiat seni tempatan sering kali cuba lari daripada stereotaip yang sering dilemparkan terhadap Melayu.

“Ramai yang masih mempunyai fikiran stereotaip seperti ‘Melayu malas’. Dengan adanya wadah seperti teater, kita cuba mengubah stereotaip itu kerana kalau bukan kita yang mengubahnya, siapa lagi?” ujar Cik Diyanah lagi.